



06 OCT, 2024

Cungkil potensi anak-anak OKU dengan seni anyaman

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

Cungkil potensi anak-anak OKU dengan seni anyaman

KOTA BHARU: Bizara Edu-care Centre yang juga pusat pendidikan anak-anak kategori orang kelainan upaya (OKU) mencungkil potensi golongan istimewa itu menerusi seni anyaman dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan.

Pengasasnya, Wan Zakaria Wan Abu Bakar berkata, setiap anak-anak istimewa itu diberi tunjuk ajar khusus daripada pelajar Jabatan Seni Reka Tekstil UiTM.

"Anyaman itu dibuat atas pemindang dengan hanya menggunakan benang pelbagai tekstur dan warna tanpa menggunakan jarum atau bahan berbahaya. Hasil seni itu mampu disiapkan dalam tempoh antara dua hingga tiga bulan.

"Pemilihan warna, media dan subjek kajian merupakan idea asal yang sepenuhnya diambil daripada anak-anak istimewa Bizara. Manakala tugas penghasilan karya bermula daripada pemilihan teknik, objek tambahan dan olahan corak dilakukan oleh mahasiswa," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Wan Zakaria memberitahu, hasil pemerhatian mendapati kerja seni yang dihasilkan oleh anak-anak OKU unik, sekali gus merangsang sensori mereka.

Katanya, pada masa sama karakter dan emosi mereka turut dikaji seterusnya menjadi elemen utama dalam penghasilan karya itu.

Wan Zakaria berkata, seni dipilih kerana ia terbukti berkesan dalam membantu merangsang perkembangan kepada anak-anak OKU terutama dari segi kemahiran psikomotor serta emosi anak istimewa di Bizara.

"Seni persembahan, seni lukisan, seni kraf dan seni tekstil antara sebahagian pilihan subjek seni untuk murid Bizara dalam membantu mereka memperbaiki emosi dan meningkatkan kemahiran berfikir serta disiplin diri," katanya.



06 OCT, 2024

Cungkil potensi anak-anak OKU dengan seni anyaman

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU: Bizara Educare Centre yang juga pusat pendidikan anak-anak kategori orang kelainan upaya (OKU) mencungkil potensi golongan istimewa itu menerusi seni anyaman dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan. Pengasasnya, Wan Zakaria Wan Abu Bakar berkata, setiap anak-anak istimewa itu diberi tunjuk ajar khusus daripada pelajar Jabatan Seni Reka Tekstil UiTM. "Anyaman itu dibuat atas pemidang dengan hanya menggunakan benang pelbagai tekstur dan warna tanpa menggunakan jarum atau bahan berbahaya.